



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA
PERPADUAN NEGARA
TERAS PEMBINAAN NEGARA BANGSA

KOTA KINABALU, 13 Jun – Bersama Membina Negara Bangsa telah diangkat sebagai tema Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) Peringkat Kebangsaan tahun ini selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang menjadi asas kepada kestabilan, keharmonian dan kemajuan negara. Majlis perasmian sambutan **telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Panglima Anwar bin Ibrahim Perdana Menteri** di Kompleks Sukan Likas, hari ini.

Memasuki tahun keempat penganjurannya, sambutan ini menjadi **platform interaksi dan tapak integrasi** untuk menyemarakkan semangat perpaduan serta memperluas pengetahuan terhadap kepelbagaian adat, budaya dan tradisi masyarakat Malaysia melalui aktiviti berteraskan warisan, seni, sukan, pendidikan interaktif dan sebagainya.

Lebih **50 aktiviti utama** telah diadakan sepanjang SMP antaranya **15 Pameran Rumah KAMI (etnik), Pameran Perkampungan Rumah Etnik, Foodunites, Pameran Raja Kita, Pameran Bersama Membina Negara Bangsa, Pesta Buku Sabah, Larian Uniti, sukan tradisional, pembuatan kraftangan, jualan usahawan perpaduan, pertandingan tarian etnik, Pertandingan Ratu Perpaduan serta Konsert Malam Unity Sama-sama.**

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata, “pelaksanaan program-program perpaduan ini telah mewujudkan *shared civic space* antara komuniti, iaitu ruang bersama yang membolehkan rakyat daripada pelbagai latar belakang bertemu, berinteraksi dan membina kefahaman antara satu sama lain dalam suasana harmoni. Tambah beliau, perpaduan memerlukan usaha yang

berterusan, konsisten dan menyeluruh yang perlu dibina dan diperkukuh dari semasa ke semasa”.

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited dalam memperkukuh perpaduan komuniti di peringkat akar umbi melalui pemeraksanaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela (SRS), Skwad Uniti, Mediator Komuniti, Perpustakaan Desa dan Arkib Komuniti.

Majlis turut menyaksikan penyerahan Geran Rukun Tetangga Progresif kepada lima buah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) berjumlah RM525,500. Selain itu, YAB Perdana Menteri turut melancarkan buku Strategi Pembudayaan Integriti Nasional (NIES) terbitan Institut Integriti Malaysia (IIM) berteraskan tiga teras utama iaitu Pendidikan dan Pembinaan Insan Berintegriti, Tadbir Urus dan Institusi Beretika, serta Komuniti dan Jangkauan Budaya Berintegriti.

Sebagai peneraju agenda pembinaan Negara Bangsa, Kementerian Perpaduan Negara akan terus memperhebat usaha memupuk semangat perpaduan, kenegaraan, kebersamaan, muhibah dan integriti dalam kalangan rakyat Malaysia demi membina sebuah masyarakat yang bersatu padu.

Kementerian Perpaduan Negara

13 Jun 2026

KPN.100-9/1/16 (56)

